

21 JUN 2003

Umno-Bahas (Negeri)

HENTI BANTUAN KPD SEKOLAH AGAMA RAKYAT SATU HIKMAH BAGI UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Tindakan kerajaan menghentikan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) memberi hikmah yang besar kepada Umno walaupun tindakan itu dikecam habis-habisan oleh parti pembangkang PAS.

Wakil Umno Kedah, Ahmad Kamal Saidin hari ini berkata hikmah besar itu ialah tindakan Pas mencaci langkah kerajaan itu di dalam ceramah dan memorandum parti itu telah membuatkan rakyat sedar bahawa kerajaan selama ini menyalurkan bantuan kepada SAR.

"Rakyat selama ini tidak pernah tahu yang kerajaan memberi bantuan itu sejak 1958 lagi. PAS, yang tidak pernah bersyukur langsung, tidak menceritakan kebaikan kerajaan itu tetapi kini rakyat tahu kerana PAS mencaci kerajaan kononnya bantuan yang dihentikan itu bertujuan untuk menutup SAR," katanya.

Beliau yang membahaskan Usul Pendidikan dan Agama pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini berkata, selain itu, tindakan kerajaan terbabit membuktikan yang PAS tidak mampu mentadbir negara.

"Ini hikmah yang kedua. Macam mana PAS nak tadbir negara sekiranya mereka tidak mampu bayar gaji guru SAR yang tidak sampai 20 orang itu. Ini menunjukkan mereka tidak mampu nak cari duit sendiri," katanya.

Ahmad Kamal berkata Kementerian Pendidikan mesti "memperkasakan" dahulu pengetua dan guru di sekolah rendah dan menengah yang menyokong PAS di negara ini sebelum berhasrat untuk memperkasakan sekolah terbabit.

Beliau berkata selagi golongan ini wujud, hasrat itu tidak akan tercapai kerana pelajar dan rakyat akan diracuni pemikiran mereka bertujuan untuk membenci kerajaan.

Katanya, PAS boleh dianggap sebagai saki baki bangsa Eropah kerana suka memecahbelahkan rakyat dengan melakukan pelbagai pembohongan bagi mencapai hasrat politik parti itu.

"PAS lahir pada zaman penjajah yang memang berhasrat untuk memecahbelahkan rakyat pada ketika itu bagi mengaut kekayaan negara. PAS memang tidak sedar diri," katanya.

Beliau berkata bangsa Eropah tidak takut kepada PAS dan apa sahaja yang parti itu lakukan tetapi bangsa penjajah itu gentar dengan pemimpin seperti Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang cukup berani dan lantang dalam menangani sesuatu isu.

Ahmad yang mengambil masa hampir setengah jam menyampaikan ucapan perbahasannya turut mencuit hati pemimpin dan perwakilan Umno apabila menceritakan kisah buruk dengan tuannya sebagai kiasan tentang apa yang bakal berlaku sekiranya Melayu tidak bersatu.

Sementara itu, wakil Umno Perlis Azihani Ali berkata Kementerian Pendidikan disaran memasukkan wacana pemikiran Dr Mahathir dalam kurikulum pendidikan di sekolah rendah dan menengah.

"Pemikiran Dr Mahathir jauh lebih tinggi nilainya berbanding dengan pemimpin dan tokoh negara lain. Langkah itu (kurikulum pendidikan) mampu melahirkan generasi muda yang berwawasan bagi menghadapi era globalisasi," katanya.

Azihani berkata kementerian itu turut diminta membanteras kewujudan golongan 'anti-establishment' di institusi pengajian tinggi selain mahu Kementerian Dalam Negeri mengharamkan Harakah kerana menghina pemimpin Umno.

Usul Pendidikan dan Agama itu kemudian diluluskan dengan sebulat suara.

-- BERNAMA
MAN KHY ROS